

Muhyiddin nafi ambil alih jawatan Noh Omar
Malaysian Insider
Sept 7, 2014

Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menyeru perwakilan dan setiap ketua bahagian Umno Selangor bersatu padu di bawah pimpinan Datuk Seri Noh Omar, sekaligus menafikan khabar angin yang beliau akan mengambil alih kedudukan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor itu.

"Soal perpaduan ini mesti kukuh dan saya minta seluruh bahagian Umno Selangor bersatu padu di bawah pimpinan Noh sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Selangor.

"Kita perlu pemimpin, seorang pemimpin yang diyakini dapat membawa ahli safnya bersatu dan bersama menghadapi cabaran untuk mengambil alih Selangor, ia bukan tugas senang," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian Subang hari ini.

Semalam terdapat ura-ura menyatakan bahawa Muhyiddin bakal mengambil alih kedudukan Noh sebagai pengerusi perhubungan Umno Selangor. – 7 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-nafi-ambil-alih-jawatan-noh-omar>